

04/12/2003

Jagoan nusantara penakluk seantero dunia

Lukman Salleh

SUKAN tanah air kini menuju ke landasan kecemerlangan peringkat tertinggi dunia sambil digamit buruan pingat emas pertama di temasya Sukan Olimpik 2008 di Beijing atau pun membuat kejutan lebih awal di Athens. Laluan meniti ke arah ini jelas penuh cabaran dengan Kementerian Belia dan Sukan menggalas tanggungjawab besar bagi mencapai matlamat ini. Selain badminton dan acara terjun yang dilihat boleh menyumbang pingat di Sukan Olimpik, ekuestrien juga menjadi salah satu sandaran bagi kita.

Harapan menggunung itu diceritakan panjang lebar Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dalam wawancara eksklusif bersama EPG. Ikuti firasat dicetus beliau kepada wartawan EpG Lukman Salleh ketika mengupas secara mendalam persediaan menghadapi Olimpik sehingga ke cabaran dan harapan beliau bagi kejayaan sukan negara.

EpG: Kontinjen Malaysia akan bertanding di Sukan Sea XXII di Vietnam. Sukan ini tidak lagi menjadi keutamaan kepada kita. Apakah ini menyebabkan pencapaian kita bakal menurun dengan mendadak dan apa pula harapan Datuk kepada atlit negara?

HISHAMMUDDIN HUSSEIN: Bukan bermaksud Sukan Sea bukan keutamaan kita. Kita sudah membuktikan mampu menjuarai Sukan Sea dan apabila kita berjaya melakukannya maka kita perlu meletakkan sasaran lebih tinggi. Sebab itu tumpuan kita terarah kepada kejohanan dan temasya yang lebih tinggi seperti Sukan Asia, Sukan Olimpik. Ini adalah tumpuan kita di bawah Gemilang 2006 dan 2010. Pendekatan terhadap Sukan Sea agak berbeza. Daripada jumlah kontinjen kita, boleh lihat sendiri berbanding temasya lalu ada yang daripada Gemilang 2006 ada yang kita mahu beri pendedahan, ada daripada Sekolah Sukan Bukit Jalil, ada daripada universiti, Jadi kita melihat Sukan Sea tempat untuk kita beri pendedahan kepada mereka ini supaya dapat diketengahkan di peringkat awal.

EpG: Dua tahun lalu kita muncul juara keseluruhan buat pertama kali dalam sejarah Sukan Sea. Apakah kedudukan kita di Vietnam kali dan sasaran pingat?

HH: Kita perlu realistik dalam Sukan Sea kali ini. Berdasarkan statistik dan beberapa sukan yang tidak ada di temasya kali ini kita sudah kehilangan 64 pingat emas manakala sukan baru seperti lumba perahu tradisional atau renang sirip kita tidak sertai. Saya memaklumkan kepada kontinjen negara bahawa untuk mengekalkan prestasi agak sukar tetapi bagi saya sasaran lebih realistik ialah menumpukan kepada pungutan pingat bukan kedudukan. Ini kerana jumlah pingat akan menggambarkan kemampuan atlit kita dan persatuan-persatuan sudah meletakkan sasaran 50 pingat emas dan saya meningkatkannya kepada 57 kerana di Brunei adalah pencapaian terbaik kita dalam pungutan pingat emas di luar Kuala Lumpur apabila kita memperoleh 55 dan bagi saya itu lebih penting.

EpG: Tempoh 2004 dan 2006 adalah penting kerana banyak temasya sukan antarabangsa seperti Sukan Olimpik, Sukan Asia dan Komanwel akan diadakan. Kerajaan sudah pun meluluskan peruntukan yang besar dalam persediaan untuk Gemilang 2006 tetapi penggantungan kita kepada jurulatih import masih meluas. Kita membawa masuk ramai tenaga luar tetapi hasilnya kurang. Apakah penggantungan ini akan berterusan?

HH: Bagi saya, bukan sama ada kita hendak jurulatih luar negara lebih banyak tetapi kadang kala tidak ada pilihan, dan ada masa dan ketika kita terpaksa mengambil mereka tetapi jika kita lihat kepada kontinjen Sukan Sea XXII, jumlah jurulatih tempatan lebih ramai daripada luar

negara. Jika dibandingkan jumlah jurulatih sekarang lebih kurang jika dibandingkan pada masa lalu. Ia bermakna pengalaman jurulatih tempatan sudah meningkat dan kepakaran mereka berkesan dan membolehkan mereka mengisi jawatan yang sebelum ini diisi jurulatih luar negara. Bagi saya apa lebih penting, saya mahu yang terbaik untuk atlit saya. Maka jumlah peruntukan yang diluluskan untuk 2006 dan 2010 tidak begitu besar jika dibandingkan dengan Sukan Komanwel. Saya lega peruntukan sudah diluluskan.

EpG: Apakah kita mempunyai program berlainan untuk Sukan Olimpik 2008 di Beijing dan tidak termasuk dalam Bajet 2006?

HH: Tidak, semuanya dalam satu perancangan yang sama iaitu daripada 2006 hingga 2010. Maknanya Sukan Olimpik 2004 termasuk dalam Bajet 2006 dan Sukan Olimpik 2008 dalam perancangan 2010. Mengenai 2006 kita perlu mengenal sukan yang kita ada peluang untuk menang pingat emas seperti badminton dan equestrian.

EpG: Equestrian? Maksud Datuk kita mahukan pemenang pingat emas daripada sukan ini di Olimpik?

HH: Kita tidak boleh menang pingat emas dalam semua sukan. Jadi setakat ini adalah dua tempat yang kita lihat ada potensi untuk menang pingat emas iaitu terjun, badminton dan equestrian.

EpG: Saya boleh faham jika kita mahu menang emas dalam terjun dan badminton, tetapi equestrian? Boleh Datuk jelaskan lebih lanjut.

HH: Daripada apa diberitahu, 65 peratus kejayaan atau lebih daripada itu bergantung kepada kuda. Kualiti, kestabilan dan kekuatan kuda berbeza. Kalau kita hendak penunggang saya rasa Quzier (Ambak), Qabil (Ambik) dan adalah bertaraf dunia tetapi penunggang lain mempunyai kuda yang baik. Maka bagi saya, jika saya boleh dapatkan seseorang untuk membantu membayar membeli kuda yang baik, saya rasa Quzier, Qabil dan penunggang lain sudah cukup baik untuk bertanding di peringkat tertinggi.

EpG: Ini perancangan untuk Sukan Olimpik 2008?

HH: Tidak, dari segi wang tidak, kerana kita tidak mempunyai wang ketika ini tetapi saya mahu melihat ke arah tahun 2008. Jika kita bernasib baik, mungkin 2004 kita akan dapat melakukannya.

EpG: Antara 2004 dan 2006 kita mempunyai tempoh yang sibuk. Apakah perancangan atau usaha yang dilakukan pada peringkat permulaan atau akar umbi?

HH: Program kita di peringkat Majlis Sukan Negara dan Majlis Olimpik Malaysia dibuktikan pada tahap kejayaan kita di Sukan Komanwel dan Sukan Sea dan Sukan Asia di Busan. Saya berasa tahap kita tidak membimbangkan, tetapi kalau kita hendak tambah jumlah atau bakat yang boleh kita cungkil ini saya rasa ini perlu ditingkatkan. Saya harap pihak swasta akan tampil ke hadapan membantu. Saya sekarang sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk melihat bagaimana kita boleh membangunkan sukan di sekolah. Padang permainan harus kita selamatkan daripada pembangunan, kita perlu meyakinkan ibu bapa sukan sebagai satu kerjaya, kita juga harus memastikan ada kelonggaran latihan di universiti, politeknik di institut kemahiran supaya atlit boleh belajar dan mengambil bahagian dalam sukan dan latihan mereka.

Jika tidak, tiada ibu bapa yang akan membenarkan anak mereka menjadi atlit. Dalam dunia kompetitif sekarang, adalah mustahil. Sebagai contoh pasukan ragbi England membelanjakan RM90 juta untuk membentuk pasukan bertaraf dunia. Singapura membelanjakan S\$500 juta (RM1 bilion) untuk membangunkan lima sukan untuk lima tahun. Kita tidak sampai pun sebanyak itu. Kita tidak akan menghabiskan sejumlah itu bagi sukan tertentu. Jika kita mahu menilai atlit kita, kita perlu menilainya pada tahap yang sama dengan pasukan lain seperti finalis England yang membelanjakan RM90 juta atau Singapura sebanyak RM1 bilion untuk hanya lima sukan tapi tidak ke mana ketika ini. Tetapi kita memiliki pemain badminton yang mencapai

kejayaan tetapi itu pun masih ada pihak yang tidak gembira dan mempersoalkan kenapa mereka tidak boleh muncul lebih baik. Mereka bersaing dengan lebih 1 bilion penduduk China dan kerajaannya berusaha keras memastikan kemenangan emas di Sukan Olimpik kerana mereka akan menjadi tuan rumah pada 2008. Mereka memiliki tabungan sekarang tetapi kita ada pemain seperti (Wong) Choong Hann, Hafiz (Hashim) pada tahap tertinggi dunia... saya tidak tahu untuk berapa lama tetapi masih dapat berada sama rata dengan pemain handalan dunia yang lain. Ini kejayaan sebenar.

EpG: Ia adalah cabaran besar buat Datuk untuk mendapat sokong orang ramai, sektor korporat dan juga kerajaan.

HH: Saya sudah mengatakan bahawa sokongan kerajaan adalah setakat mana yang kita mampu... itulah dia. Kalau kita benar mahu melakukan lebih lagi, kalau kita mahu mencari kuda, sebagai contoh kita mahukan kuda untuk Sukan Olimpik untuk Qabil dan Quzier, mesti cari melalui saluran lain. Saya tidak boleh belanjakan kuda AS\$1 juta (RM3.8 juta), kita memerlukan AS\$1 juta itu untuk membangunkan sukan di sekolah. Sektor swasta patut tampil membantu.

Itu sebab sisipan (EPG) anda amat baik kerana ia memberi peluang kepada kami untuk menjelaskan perkara ini. Akar arus perdana hanya bercakap mengenai pingat, keputusan dan kadang kala kritikan yang tidak adil dan mereka anggap begitu mudah tetapi apabila kita buat tidak diiktiraf... untuk menyelamatkan padang dulu begitu digembar-gemburkan, tetapi saya memegang kepada satu lagi arahan Kementerian Pendidikan bahawa padang dan kawasan sukan di sekolah tidak boleh disentuh. Bukan saya mahu minta orang berterima kasih, tetapi sekurang-kurangnya ia sesuatu yang tidak dilihat pemimpin terdahulu. Bagi saya perkara seperti ini lebih penting daripada bercakap kenapa Hafiz tidak konsisten atau kenapa tidak menang pingat. Selepas itu ia berakhir. Orang sama yang anda kritik ini apabila dia berjaya anda kemudian melambung tinggi meletakkannya dalam situasi di mana dia tidak boleh membuat kesilapan, itu bukan sesuatu yang bertanggung jawab. Ini pandangan peribadi yang saya mahu meluahkan perasaan, pengalaman saya dalam Kementerian Belia dan Sukan ini.

EPG: Apakah pandangan Datuk terhadap persatuan sukan yang terus menerus berdepan masalah sejak mula Datuk memegang jawatan? Masalah mungkin berpunca dari krisis dalaman atau prestasi atlit yang merudum?

HH: Jika anda melihat dinding pejabat saya, anda akan lihat karikatur semua masalah-masalah yang terpaksa saya tangani, olahraga, bowling... banyak tu. Bagi saya sudah banyak perubahan semakin kurang perubahan perbalahan. Satu sebab ialah saya minta mereka lihat kepada isu yang lebih luas dan bukan isu-isu remeh yang membelenggu satu-satu persatuan sukan. Kadang kala isu itu nampak berat, kerana terlalu berperibadi tetapi apabila masuk pihak ketiga seperti diri saya untuk membuatkan mereka menyedari sebenarnya apa yang mereka bertegang leher adalah remeh.

EpG: Adakah pertikaian ini disebabkan personaliti atau politik?

HH: Ada sebab membabitkan personaliti, politik dan kepentingan, berdasarkan kepada penilaian saya dan kalau anda ketepikan kepentingan, ketepikan personaliti, ketepikan politik dan duduk di tempat mereka, ada keseronokan dalam sukan, anda sayang kepada atlit awak, kebanggaan kita apabila atlit itu berjaya... kemudian saya rasa tidak akan ada banyak masalah dalaman di kalangan persatuan sukan. Jadi, Pesuruhjaya Sukan dengan Akta Pembangunan Sukan, output mereka pun berbeza. Saya memaklumkan kepada mereka kenapa mereka perlu defensif, kalau ada masalah kenapa menuding mereka salah, anda betul, itu bukan corak saya. Objektif saya ialah untuk memenangi satu emas (Sukan Olimpik), jadi apa sebenarnya masalah, apa yang dibincangkan, kadang kala yang dibincangkan mengenai siapa yang boleh mengundi sehingga dia tak kisah siapa yang akan memegang jawatan berkenaan. Maka seperti yang saya katakan, anda mahu pemimpin itu

berada di situ tetapi dia tidak mahu akhirnya kedua-duanya mahukan calon yang sama tetapi di sebabkan berkelahi... dia tidak berhak mengundi, matlamat yang besar dia tidak melihat. Maka, apabila pihak ketiga masuk dan tunjuk dan membuat keputusan siapa yang berhak mengundi dalam mesyuarat agung, tetapi kedua-dua ini calon yang sama, jadi apa yang kita mahu bertengkar, kita letakkan calon itu habis cerita. Manakala masalah bowling pula mereka tidak ada tempat mahu mengadu, masa dulu kes tenpin bowling, akhirnya siapa beri dia tempat untuk mendengar duduk bersama persatuan, kini melihat di mana kedudukan bowling sekarang, kelas dunia, berfungsi dengan baik tetapi KOAM (Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia) baru mahu selesai, berapa tahun rugi kerana masalah dalaman KOAM sehingga atlet kita terjejas. Kita ada pelari yang baik, pelari berpagar... olahragawan kita dulu, tetapi di mana olahraga sekarang. Saya meletakkan kesalahan sepenuhnya kepada persatuan. Sekarang keadaan sudah baik kita akan lihat ganjaran dalam tahun-tahun akan datang.

EpG: Apakah perkara paling memuaskan hati Datuk sejak memegang jawatan Menteri Belia dan Sukan. Mungkin ada perkara yang mengecewakan?

HH: Apa yang memberikan saya kepuasan ialah melihat kanak-kanak apabila mereka melihat atlet contoh dan mereka mahu mengikut jejak langkah menjadi seperti Wong Choong Hann. Ia memberi kepuasan cukup tinggi kepada saya apabila melihat atlet contoh memberitahu mereka perlu berusaha keras, belajar bersungguh-sungguh. Tugas saya adalah untuk meletakkan sukan atas landasan tepat supaya muncul bakat muda. Kejayaan yang kita kecapai kini bukan kerana usaha saya. Ia ada kaitan dengan keringat pemegang jawatan sebelum saya seperti Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Abdul Ghani Othman dan Datuk Annuar Musa Inilah hasil yang kita meraihi sekarang. Saya harap anak muda akan menyemat perasaan serta percaya pada diri bahawa mereka boleh menjadi seperti Wong Choong Hann, Hafiz, Roslin, Quzier, Qabil atau Shalin.

Yang mengecewakan memang banyak. Orang yang hipokrit, apabila persatuan disebabkan maruah, orang dalam persatuan sukan disebabkan oleh maruah sanggup gadaikan masa depan sukan itu sendiri, sanggup berpolitik berlumba untuk kedudukan, tidak melihat jawatan sebagai satu amanah... bukan semua. Keduanya apabila saya melihat tiada disiplin di kalangan atlet kita terutama sekali apabila mereka mewakili negara, apabila tidak membawa diri mereka dengan cara yang kita boleh banggakan kerana mereka mewakili kita, saya anggap penting mereka berdisiplin kalau tidak mereka tidak akan berada dalam kontinjen, bukan main-main, kerana mereka di antara berapa juta yang mengimpikan peluang untuk mewakili negara, kita pilih dia, dan dia mengecewakan kita, tidak serius dalam latihan menganggap perkara ini... tiada apa yang mudah. Satu lagi perkara ialah dadah dalam sukan kerana memang tidak ada tempat bagi penyalahgunaan dadah. Kita diberi kelebihan tidak adil dan kepada saya tidak akan boleh bersaing dengan semua jenis dadah terbaru di dunia. Jadi, kalau kita kata okay, kita boleh jadi jaguh kampung dengan makan dadah di sini, bila pergi ke peringkat yang lebih tinggi bagaimana kita mahu bertanding.

EpG: Apakah visi Datuk dalam sukan tanah air?

HH: Mengenai sukan berprestasi tinggi saya tidak lagi bimbang dari segi perancangan kita untuk 2006, 2010. Peruntukan sedia ada sudah pun disusun, Jika tidak ada pihak swasta yang tampil ke depan pun, saya fikir kita sudah mencukupi, mahu kita menang pingat emas 2010... kita akan memberikan yang terbabit tidak mengecewakan rakyat dan negara, InsyaAllah. Satu bahagian dalam sukan berprestasi tinggi yang saya mahu bangunkan ialah di peringkat akar umbi untuk melahirkan lebih ramai bakat yang perlu dimulakan di peringkat sekolah. Kita kena bermula dengan pembangunan peringkat remaja, kita kena bermula dengan sokongan ibu bapa, kita harus wujudkan budaya sukan, pastikan bahawa kita boleh membuktikan sukan

dilihat sebagai satu kerjaya, kemudian baru kita boleh memberi fokus kepada sukan berprestasi tinggi. Bahagian itu saya mahu perkemaskan tetapi banyak bergantung kepada ekonomi kita, kementerian pendidikan. Satu lagi bahagian yang saya mahu tumpukan ialah sukan untuk semua, sukan yang akan membabitkan seramai mungkin rakyat Malaysia, tidak kira umur, kaum, agama, ia sesuatu yang mahu kami promosikan dalam pergerakan beramai-ramai. Kini, kita mengenalpasti beberapa sukan seperti badminton, bola sepak, sepak takraw semua sukan tradisional ini yang bukan kita mahu tonjolkan budak-budak ini pada tahap Sukan Sea tetapi tahap permainan mereka sekurang-kurangnya daripada satu kelompok itu anda akan menemui seseorang yang berbakat untuk sukan berprestasi tinggi. Kita mahu melihat sukan sebagai salah satu kegiatan sihat, salah satu kegiatan yang merapatkan rakyat berbilang kaum, satu aktiviti yang tidak membezakan dari segi kemewahan dan kekayaan seseorang, yang tidak membezakan sama ada anda lemah atau tidak. Ini yang saya teliti sekarang dan kemudian sukan lasak yang kita akan perkembangan termasuk sukan bermotor sebagai sukan baru dan sukan lain yang saya harap akan dapat dikembangkan. Tun Dr Mahathir meletakkan banyak usaha dalam sukan bermotor dan momentum yang ada sudah cukup bermula di peringkat awal sebab itu kita mahu menubuhkan suruhanjaya sukan bermotor membabitkan mereka yang terbabit dalam sukan ini.